



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



Pusat Governans, Integriti & Antirasuah Nasional,
Jabatan Perdana Menteri

PERSEPSI TAHAP RASUAH & ASPEK RISIKO RASUAH DALAM INSTITUSI PENTADBIRAN BERKAITAN MASYARAKAT ORANG ASLI

Persidangan Penyelidikan Governans, Integriti dan
Antirasuah Peringkat Kebangsaan
23-24 Mac 2022

Berilmu ■ Berdisiplin ■ Bertakwa / Knowledgeable ■ Disciplined ■ Devout

Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia



www.usim.edu.my



usimofficial



usimtv



Pasukan penyelidik



1. Prof Madya Dr Izawati Wook
2. Prof Dato' Dr Zulkiple Abd Ghani
3. Prof Dato' Dr Hasnah Hj Haron
4. Dr Abd Hakim Mohad
5. Prof Madya Dr Arif Fahmi Md Yusof
6. En Rosli Shaari



Rangka pembentangan

Pengenalan

- Institusi pentadbiran
- Masyarakat Orang Asli

Objektif kajian

Kaedah kajian

Dapatan kajian

- Tahap persepsi rasuah
- Risiko dan aspek risiko rasuah

Cadangan

Pengenalan: Institusi pentadbiran berkaitan Orang Asli



- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
 - JAKOA adalah agensi utama yang mengendalikan pentadbiran berkaitan masyarakat Orang Asli
 - di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
 - diwujudkan di bawah Akta Orang Asli 1954.
- Selain JAKOA, agensi kerajaan lain yang menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat Orang Asli termasuk:
 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar
 - Kementerian Kesihatan Malaysia
 - Kementerian Pendidikan Malaysia
 - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia




Masyarakat Orang Asli

- ✓ Kumpulan masyarakat minoriti asal di Semenanjung Malaysia.
- ✓ 178 197 orang (JAKOA, 2018).
- ✓ Kurang dari 0.6% dari jumlah penduduk di Malaysia.


Masyarakat Orang Asli dan kepelbagaiaan



Negrito	Sen'oi	Malay-Proto
<ul style="list-style-type: none"> • Kensiu • Kintak • Lanoh • Jahai • Mendriq • Bateq 	<ul style="list-style-type: none"> • Che Wong • Mahmeri • Jahut • Semoq Beri • Semai • Temiar 	<ul style="list-style-type: none"> • Orang Kanaq • Orang Kuala • Orang Seletar • Jakun • Semelai • Temuan




Faktor risiko: Orang Asal lebih terdedah kepada perlakuan rasuah



Jumlah komuniti yang kecil




Tahap pendidikan rendah




Kemiskinan: berkait rapat dengan Indeks Persepsi Rasuah yang tinggi



Status tanah tidak diiktiraf - dianggap tidak diduduki (unoccupied)



Lokasi - pinggir & luar bandar, kaya dengan sumber asli



Pertentangan corak guna tanah



Polisi *affirmative action* berkait dengan kuasa awam bagi faedah persendirian




Organisasi politik dalam komuniti - bersifat bersaudara



Objektif kajian

1. Mengenal pasti **persepsi tahap rasuah** dan **aspek risiko rasuah** dalam pentadbiran awam berkaitan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat Orang Asli.
2. Mengemukakan **saranan** bagi kerangka pengurusan risiko dan governans dalam pentadbiran awam dan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat Orang Asli.

WAKIL INSTITUSI DAN AGENSI KERAJAAN



Kaedah pengumpulan data:

1. Analisis laporan & penyelidikan berkaitan
2. Temubual dan perbincangan kumpulan berfokus

PIMPINAN, WAKIL MASYARAKAT ORANG ASLI, BADAN BUKAN KERAJAAN



TAHAP PERSEPSI RASUAH

DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN KEPADA ORANG ASLI

- Tinjauan persepsi umum melalui temubual, perbincangan dan analisis dokumen menunjukkan **gejala rasuah dan kelemahan dari sudut integriti wujud dalam pelbagai aspek** melibatkan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat Orang Asli.
- Ini menyebabkan ketirisan wang kerajaan yang menyebabkan kerugian kepada wang awam yang juga menyebabkan objektif pembangunan masyarakat Orang Asli tidak tercapai dengan taraf sosioekonomi masyarakat tersebut yang masih rendah berbanding jumlah peruntukan yang diperuntukkan kerajaan saban tahun.

Rasuah dan situasi masyarakat

- ✓ Ramai informan melihat hubungkait isu integriti dan rasuah dengan keadaan penempatan masyarakat Orang Asli yang jauh ketinggalan berbanding penempatan masyarakat lain.
- ✓ Situasi kampung Orang Asli dilihat masih rendah tahap kemudahan asas dan kemajuan ekonomi berbanding jumlah wang yang diperuntukkan setiap tahun oleh kerajaan kepada Orang Asli.
- ✓ Kadar kemiskinan masih di tahap tinggi berbanding kumpulan lain dalam masyarakat.

“Saya akui memang ada di kalangan yang terlibat untuk pembangunan Orang Asli ni ada unsur-unsur rasuah ... yang agak sukar untuk diatasi dan agak sukar untuk dibuktikan ...

yang terkesan adalah Orang Asli itu sendiri daripada segi pembangunan, ... kesihatan dan juga pendidikan.” – R16 (Orang Asli).

Risiko rasuah & aspek risiko rasuah

- Risiko: kecenderungan atau kemungkinan berlakunya sesuatu perkara buruk kesan daripada pelaksanaan sesuatu tindakan. Kegagalan menguruskan risiko rasuah dalam organisasi akan meningkatkan jumlah kes rasuah.
- Aspek risiko rasuah (*risk areas*) merujuk kepada aspek yang berkemungkinan berlakunya rasuah.

Aspek risiko rasuah dalam penyampaian perkhidmatan kepada Orang Asli

1. Perolehan perbekalan dan perkhidmatan


2. Pemberian bantuan dan manfaat

3. Pelaksanaan projek pembangunan Orang Asli

4. Pelaksanaan projek pembangunan lain bagi manfaat umum yang memberi kesan kepada tanah/kawasan Orang Asli

5. Aktiviti pengekstrakan sumber asli di/berdekatan kawasan Orang Asli

- Kelemahan pengurusan perolehan bekalan dan perkhidmatan dalam aspek:
 1. Perancangan
 2. Pelaksanaan
 3. Pemantauan
 4. Penguatkuasaan



Perolehan perbekalan & perkhidmatan

Kelemahan dalam perancangan

- Perancangan perolehan tidak dikaji secara spesifik terlebih dahulu.
- Tidak mengikut keperluan penduduk dan kesesuaian tempat.
- Pemilihan sistem/teknologi yang digunakan tidak sesuai dengan keadaan setempat.
- Projek-projek yang sama di kampung yang sama yang disediakan oleh agensi kerajaan yang berbeza.
- Alat yang digunakan dalam pelaksanaan projek sukar didapati di pasaran dan tiada kepakaran tempatan untuk membaiki, serta alat ganti sukar didapati.
- Pemilihan kontraktor yang tidak kompeten / mempunyai rekod lampau yang buruk.
- Kelemahan kandungan kontrak.
- Perolehan dilaksanakan secara rundingan terus.

Kelemahan dalam pelaksanaan perolehan & pembayaran

- Perolehan dibuat tanpa kelulusan jawatankuasa berkenaan.
- Ketidakpatuhan terhadap klausa kontrak.
- Perolehan dibuat secara pecah kecil.

- Pembayaran kontrak melebihi peruntukan diluluskan.
- Dokumen sokongan pembayaran meragukan.
- Harga perolehan yang tidak munasabah.

Kelemahan dalam penyampaian & penguatkuasaan undang-undang

- Kualiti hasil kerja tidak memuaskan: kualiti hasil kerja yang sangat rendah berbanding nilai projek, tidak mengikut spesifikasi, projek lewat siap dan projek terbengkalai.
 - Pembinaan kerja tambahan dilakukan tanpa kebenaran agensi terbabit.
 - Kelemahan dalam pemantauan kerja.
 - Kekurangan kakitangan berkemahiran bagi pemantauan.
 - Kesukaran pemantauan disebabkan kedudukan lokasi kampung Orang Asli yang jauh di pedalaman.
 - Kelemahan dalam pengendalian aduan oleh penduduk.
-
- Hukuman dan tindakan yang diambil susulan audit adalah tidak setimpal berbanding kos projek yang terlibat mahupun tahap perlakuan rasuah yang serius.

Sebahagian pernyataan peserta

Kes perolehan ini terlalu banyak ketirisan yang berlaku disebabkan *mismanagement* (pengurusan yang lemah) dan *negligence* (kecuaian). R9 (Pegawai kerajaan)

Maintain sahaja yang dilakukan. Tetapi sistem itu tidak berfungsi. tetapi mereka membuat semua, cumanya tidak berfungsi. **Mereka ini *maintain* tetapi tidak berfungsi.** – R11 (Pegawai kerajaan)


Dia nak buat projek ni sebab dia ada peruntukan. Bila ada peruntukan tu faham-faham lah ... **Tak ada keperluan tetapi dia buat juga.** So, saya rasa pembaziran lah itu ... Sepatutnya digunakan untuk tujuan yang lebih memerlukan. R14 (Orang Asli)

Yang ketara sekali projek air. Kalau kita pergi kampung Orang Asli di pedalaman **tangki ada, paip ada, bila buka paip air tak keluar.** R5 (Orang Asli)

Prestasi (kontraktor) itu sudah tidak elok di bawah KXX tetapi dilantik juga untuk projek lain di bawah KXXX. R11 (Pegawai kerajaan)

Kualiti itu sangatlah tidak memuaskan, ada dinding rumah yang dah retak, ada setengah tu boleh tumbang dan membahayakan. R16 (Orang Asli)

- Penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan penyampaian bantuan wang atau barangan kepada Orang Asli.
- Nilai bantuan yang sampai lebih rendah daripada peruntukan asal.
- Bantuan wang tunai atau barangan yang tidak sampai kepada golongan sasar.



Pemberian bantuan barangan & manfaat / perkhidmatan

Sebahagian pernyataan peserta

The classic case for the institutional one is during MCO last year when the food baskets (were distributed). 5000 families were supposed to get RM100 with the food basket.

We calculated the value was RM58, the other one was RM38, so it was too obvious.


*As I said there is, no audit, it just went through. R1
(Aktivis)*

Kadang-kadang projek itu maksima kos, tapi impak kepada komuniti yang dapat nilai sesuatu projek.

Katakan bakul makanan, bakul makanan katakan RM100, tetapi bila sampai ke komuniti nilainya dah 40%, 50% turun jatuh. R16 (Orang Asli)

Kelemahan pengurusan projek -:

1. Banyak projek yang telah **tidak mencapai matlamatnya** iaitu untuk mengeluarkan peserta dari kemiskinan.
2. Dalam kebanyakan projek, sistem yang digunakan **tidak memberi keuntungan** kepada pihak Orang Asli, tetapi menyebabkan kerugian. Orang Asli dinamakan sebagai peserta dan dibayar dividen.
3. Jumlah **dividen** yang diterima adalah rendah dan tidak memberi manfaat yang memadai kepada Orang Asli.
4. Pengurusan **tidak telus** iaitu pelaporan kepada peserta terbabit tidak jelas.
5. Proses **rundingan** yang tidak mencukupi bagi mendapatkan persetujuan daripada peserta Orang Asli bagi menggunakan tanah bagi tujuan projek.
6. Perancangan atau pelaksanaan yang dianggap **tidak wajar** dalam pembangunan melibatkan masyarakat Orang Asli.



Pelaksanaan projek pembangunan Orang Asli

Sebahagian pernyataan peserta

RPS ini telah bermula lebih 30 tahun dulu ... dah lama bermula. ...

Tetapi, kalau kita tengok hasil dia dan kesan kepada Orang Asli contohnya dari segi pembangunan, memang agak ada yang terkebelakang dan boleh dikatakan tidak berjaya daripada perancangan awal ... (untuk) mengeluarkan mereka ini daripada garis kemiskinan, dengan menyediakan infrastruktur jalan, dan juga kemudahan elektrik, air dan sebagainya, termasuk dengan pembangunan tanah, ladang.

Tetapi akhirnya, daripada dulu sehingga sekarang ... RPS ini tidak berjaya dan diberhentikan.
Orang Asli

they are layers after layers and eventually what they get is almost very small profit or very small dividend ...

The question is why do we need the layers, who created the layers, how we came up with this layers ... why there (are) so many sub-contractors.

Aktivis

Projek yang menyebabkan kegagalan, komuniti tidak dapat manfaat, memang kita melihat itu sebagai unsur rasuah.

Persepsi kita melihat sebagai unsur rasuah.
Orang Asli

Sebahagian pernyataan peserta

Integriti itu memang sangat serius.

Dia mesti dari segi kontraktor, agensi yang terlibat, mesti uruskan ladang ini dengan baik dan hasil ini mesti dijual melalui *channel* yang betul.


Mesti dibentangkan kepada orang kampung, kepada peserta, berapa jumlah hasil, berapa kos dia, berapa keuntungan dia dan berapa diberi kepada Orang Asli.

If the project goes on, accountability must be there.

Means not just account to the community, ... must be produce account, report ... and also be transparent on the project. R1
(Aktivis)

Rasuah boleh berlaku dalam bentuk:


1. apabila perbuatan pengambilan tanah / sumber dilakukan oleh pihak kerajaan, namun melibatkan faedah oleh orang perseorangan
2. apabila pihak kerajaan, samada melalui sokongan secara aktif / pengabaian (*omission*) membenarkan individu lain mengambil sumber yang berada di tanah masyarakat Orang Asal atau memberi kesan kepada mereka



Pelaksanaan projek pembangunan sumber (perlombongan, pembalakan dan lain-lain) yang berada di/ atau berdekatan tanah masyarakat Orang Asli

Rasuah boleh berlaku dalam bentuk:

- Pengeluaran lesen bagi aktiviti di kawasan yang tidak dibenarkan, atau pengambilan sumber di luar dari kawasan yang dibenarkan.
- Proses memperoleh persetujuan penduduk Orang Asli yang terkesan atau bagi tujuan mendapatkan sokongan penduduk bagi pembalakan dan pembinaan empangan berdekatan atau di kampung terbabit.



Pelaksanaan aktiviti
pengekstrakan
sumber semulajadi di
kawasan /
berdekatan
penempatan Orang
Asli

membalak di kawasan *bumper zone*, membalak di dalam sempadan kawasan Orang Asli. Yang ini yang kita lihat.

Kalau sesuatu isu itu melalui kawasan Orang Asli diberi sumbangan untuk pembangunan komuniti, mungkin tidak dipersoalkan, untuk kebajikan komuniti seperti membaiki jalan kampung, jambatan kampung.

Tetapi apabila kepada individu, Ketua Kampung, ketua masyarakat, yang ini akan menjadi isu integriti dan isu rasuah.

R17 (Orang Asli)

Bila kita tanya siapa yang bagi kelulusan?

Bila jumpa dengan Tauke-tauke balak ni dia kata dah bagi duit (kepada seseorang) untuk laluan sebagainya, jadi itu kita sahkanlah.

R16 (Orang Asli)

Cadangan menangani risiko rasuah

- Mempertingkatkan taraf, kemahiran dan keupayaan kakitangan.
- Menambahbaik pengurusan perolehan perbekalan dan perkhidmatan (perancangan, pelaksanaan dan pemantauan) oleh agensi berkenaan.
- Penyertaan penduduk kampung dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek.
- Menambahbaik pengurusan projek sedia ada untuk memastikan manfaat diperolehi oleh Orang Asli.
- Keputusan berkaitan projek pembangunan sumber di kawasan masyarakat Orang Asli perlu dibuat dengan telus dan mengikut peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.
- Pemerksaan masyarakat Orang Asli dan masyarakat sivil (*civil society*).



Berilmu . Berdisiplin . Bertakwa
Knowledgeable ■ Disciplined ■ Devout

SEKIAN, والسلام